

Article Info:

Published Date: 10 October 2023

*Corresponding Author: syeda214@uitm.edu.my

KOLABORASI KOLEKTIF ANTARA ARTIS, PENSYARAH DAN PELAJAR DALAM PENGHASILAN ARCA DINDING UDANG GALAH DI PEKAN BAGAN DATOH

Hilal Mazlan, Syed Alwi Syed Abu Bakar*, Nur Muhammad Amin Hashim Amir,
Ruzamira Abd Razak, Aznan Omar

Program Seni Halus, Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA, Seri Iskandar, Cawangan Perak, MALAYSIA

To cite this article (APA): Mazlan, H., Syed Abu Bakar, S. A., Hashim Amir, N. M. A., Abd Razak, R., & Omar, A. (2023). Kolaborasi Kolektif antara Artis, Pensyarah dan Pelajar dalam penghasilan Arca Dinding Udang Galah di Pekan Bagan Datoh. *KUPAS SENI*, 11(3), 91–100. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.11.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.3.11.2023>

ABSTRAK

Kajian ini merupakan perbincangan berkaitan kolaborasi dalam berkarya di mana konsep kerjasama diguna pakai untuk menghasilkan arca dinding dengan tema udang galah di bandar Bagan Datoh. Kajian ini juga menyediakan konteks pemahaman berkolaborasi dari segi proses ketika berkolaborasi, perubahan proses alternatif yang merentas medium dan budaya seni. Di sini juga terdapat perbincangan di mana bukan sahaja antara budaya, malah silang budaya juga boleh berlaku apabila kerjasama berkarya ini dititikberatkan. Penulisan ini akan menggunakan kaedah kajian lapangan dan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat yang boleh digunakan.

Kata kunci: Arca awam, arca, arca dinding, kolaborasi kolektif

ABSTRACT

In this study, the idea of collaboration in artworks is discussed in relation to the creation of wall sculptures with a lobster motif in the city of Bagan Datoh. This study also offers a context for understanding collaboration in terms of the collaborative process and alternate process alterations that span mediums and art cultures. In this conversation, it is also brought out that, when creative cooperation is prioritised, cross-cultural as well as intercultural discussions can occur. Field research and interview techniques will be used in this essay to get relevant data.

Keyword: public sculpture, sculpture, wall sculpture, collective collaboration

PENGENALAN

Arca awam yang kini kian berkembang disebabkan oleh pembangunan pesat yang sedang berlaku di Malaysia (Omar & Basharuddin, 2019). Perkara tersebut telah menjadi sebuah perkiraan dalam merancang pembangunan sesebuah bangunan dan landskap persekitarannya (Bakar, 2022). Arca awam yang dibina mampu menambah nilai persekitarannya sebagai simbol kejayaan atau kekuatan sesebuah pembangunan tersebut (Wan Yaacob, Abdulah, Osman, Samsudin, Bebit, Azraei & Sabu, 2016). Kebanyakan arca awam dihasilkan dalam saiz yang besar di mana tujuannya untuk memperlihat arca tersebut dari jarak jauh dan sebagai satu titik penanda sesebuah kawasan tersebut. Perkara ini memerlukan tenaga kerja daripada pihak yang ramai untuk memudahkan proses pembuatan arca awam

Kolaborasi Kolektif antara Artis, Pensyarah dan Pelajar dalam penghasilan Arca Dinding Udang Galah di Pekan Bagan Datoh

tersebut. Secara tidak langsung, penglibatan daripada pelbagai tenaga kerja dapat membawa hasil yang memberi kelainan (Hocking, 2022).

Penghasilan sesuatu karya memerlukan kreativiti dan inovatif daripada seseorang (Sim, 2023). Namun, perkara ini bukanlah memainkan peranan daripada seseorang malah penghasilan karya boleh berlaku dalam kalangan ramai. Kerjasama dalam berkarya dapat mengumpulkan kreativiti dan sumbangan idea dalam menghasilkan karya. Perkara ini dipanggil kolaborasi yang berlaku dalam kalangan ramai (Stasser & Abele, 2020). Kolaborasi dalam menghasilkan karya seni ini bukanlah Sahaja berlaku di kalangan artis dan artisan semata-mata malah ianya boleh juga terhasil dengan kolaborasi antara badan-badan kerajaan atau bukan kerajaan bersama artis-artis tertentu (Jolly, 2008). Fungsi kerajaan yang mula menitik beratkan isu kepentingan arca awam di negara ini mampu untuk menjadikan seni awam ini sebagai satu alat mengekspresikan idea terutama oleh badan-badan tertentu (Zakaria, 2019).



Rajah 1. Antara karya arca dinding di Pulau Pinang



Rajah 2. Antara karya arca dinding di Pulau Pinang

Dalam penulisan ini, isu yang akan dibincangkan adalah tentang manfaat kolaborasi antara artis, pelajar dan juga pensyarah di dalam penghasilan arca awam bertemakan udang galah di Bagan Datoh. Arca awam bermotifkan Udang Galah ini adalah Garapan idea berkesinambungan dari arca dinding daripada besi bertemakan karikatur yang terdapat di Pulau Pinang (Rajah 1 dan 2).

METODOLOGI

Bercakap tentang metodologi penyelidikan, pendekatan kualitatif telah digunakan sepanjang keseluruhannya. Oleh itu, penyelidikan untuk projek ini melibatkan kedua-dua perpustakaan dan buruh lapangan. Penyelidikan yang dilakukan di perpustakaan termasuk mencari maklumat dan data dalam pelbagai jenis penerbitan dan karya. Menurut Creswell (2014), kaedah penyelidikan merangkumi pendekatan sistematis untuk mengumpul data dan menangani soalan penyelidikan atau hipotesis. Dalam kajian ini, penyelidikan kualitatif akan dijalankan, melibatkan pengumpulan data bukan berangka melalui teknik seperti temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Penyelidik kualitatif, seperti yang ditekankan oleh Braun dan Clarke (2006), menggunakan strategi analisis tematik, analisis kandungan, dan teori berlandaskan untuk mendapatkan wawasan mendalam tentang pandangan dan pengalaman individu.

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini akan merangkumi data primer dan sekunder. Bagi data primer, penyelidik akan menjalankan temubual dengan seniman, ahli akademik yang terlibat dalam mural di Teluk Intan dan Lorong Seni Ipoh. Temubual ini akan membantu mengumpul maklumat faktual tentang idea karya seni tertentu, cabaran sedia ada, dan kepentingan subjek tersebut. Bagi meningkatkan proses temubual dan pengumpulan data, dokumentasi fotografi akan digunakan. Gambar-gambar memainkan peranan penting kerana mereka memberikan maklumat visual dan membantu menekankan butiran khusus yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Temubual diadakan secara tertutup dan berstruktur. Temubual yang telah dibuat berkisar tentang kewujudan arca awam dari segi bentuk, stail, isi, makna, simbol dan nilai-nilai estetika yang dapat dikupas dalam kewujudan arca awam yang dikaji. Segala maklumat dan data yang dinyatakan oleh pihak yang ditemubual telah dirakamkan dengan video. Kesemua data-data yang telah diperolehi dari kaedah perpustakaan dan lapangan dibawa pulang, dikumpul dan dianalisis untuk mendapatkan rumusan kepada kajian ini.

Selain daripada data primer, Kajian ini juga akan menggunakan sumber data sekunder. Ini merujuk kepada data yang telah dikumpulkan sebelum ini untuk tujuan selain daripada penyelidikan semasa. Sumber sekunder ini merangkumi penulisan ilmiah, buku, katalog pameran, rekod sejarah, dan data dari internet. Dengan menggabungkan kedua-dua data primer dan sekunder, penyelidikan ini bertujuan untuk memberikan analisis komprehensif dan menyeluruh tentang topik ini, memberikan penerangan tentang latar belakang sejarah, cabaran kontemporari, dan kepentingan keseluruhan kolaborasi kolektif seni. Penyelidikan ini akan menjalankan temubual dengan ahli akademik, seniman, dan kurator. Oleh itu, temubual akan dijalankan dengan satu set 9 soalan, terdiri daripada tiga soalan asas, tiga soalan khusus, dan tiga soalan cadangan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan pandangan Arif Asyraf dan Afiq Izzudin artis pengarca yang terlibat dengan proses penghasilan arca ini tentang kolaborasi dalam seni, hasil penemuan mengenai arca udang galah di Bagan Datoh tentang pentingnya kolaborasi sebagai elemen penting dalam membangunkan karya seni yang signifikan. Dua seniman ini, dengan pengalaman yang berbeza, menghadirkan sudut pandangan yang mendalam tentang nilai kolaborasi dalam seni.



Rajah 3. Arif Asyraf Badruzzaman

Arif Asyraf, yang baru aktif di dalam dunia seni sejak tahun 2022, telah mengenalpasti bahawa berkolaborasi membuka pintu menuju pemahaman yang lebih mendalam tentang seni, (Arif Asyraf, 2023). Beliau menjadikan kolaborasi sebagai suatu cara untuk menambah pengetahuan dan pengalaman baru yang tidak dapat dicapai saat bekerja secara individu. Penyertaan beliau dalam projek arca udang galah di Bagan Datoh menunjukkan bahawa kolaborasi dengan Afiq Izzudin memiliki implikasi yang mendalam dalam dunia seni. Arif melihat bahawa kerjasama di dunia seni memiliki signifikansi dalam menghasilkan idea-idea yang menarik. Beliau menyedari bahawa karya seni yang hebat sering kali tidak hanya lahir daripada pemikiran individu, malah daripada kolaborasi di antara sejumlah pemikir yang berbeza latar belakang (Arif Asyraf, 2023).



Rajah 3. Afiq Izzudin Rosli

Afiq Izzudin, yang juga baru aktif sebagai pengkarya seni sejak tahun 2022, juga menekankan pentingnya kolaborasi dalam dunia seni. Baginya, kolaborasi memberikan peluang untuk menjelajahi berbagai gagasan dan sudut pandangan. Dalam projek arca udang galah, kolaborasi antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Studio Tangsi memberikan manfaat kepadanya, termasuk simpanan waktu dan perkongsian idea-idea. Afiq menekankan bahawa berkolaborasi memungkinkan seniman untuk melampaui kecenderungan berkarya secara individu dan memerlukan pandangan artis lain (Afiq Izzudin, 2023).

Arca udang galah ini adalah hasil idea dari pensyarah arca UiTM Seri Iskandar. Idea berkenaan udang galah ini adalah dengan menitik beratkan unsur garisan dalam membentuk bentuk (form). Arca ini juga menerapkan konsep simplifikasi dan minimalis. Arca ini dimulakan dengan membengkokkan. Afiq menyatakan bahawa kualiti hasil kerja dalam kolaborasi arca udang galah di bagan datoh sangat memuaskan dan menjadikan hasil karya yang sangat ikonik. Kolaborasi ini juga berhasil mengurangkan waktu yang diperlukan untuk menyelesaikan projek. Selain itu, Afiq melihat potensi besar dalam menggabungkan seni kerjasama dengan sektor perlancongan dan kebudayaan. Kerana manurutnya, seni ini mencerminkan budaya dan identiti suatu tempat, dan juga berfungsi sebagai sumber inspirasi yang berharga bagi sorang seniman (Afiq Izzudin, 2023).

Terdapat pandangan untuk pengkarya seni baru yang ingin terlibat dalam kolaborasi seni. Mereka menyarankan kepada pengkarya baru untuk bergaul dengan komuniti seni serta melibatkan diri dalam acara seni. Mereka juga menekankan pentingnya pendekatan aktif terhadap pelajar dan mengambil bahagian dalam projek kolaborasi. Secara keseluruhan, pemahaman yang mendalam tentang manfaat berkolaborasi dalam seni, yang bukan hanya menyumbang pada perkembangan seni yang bermakna, tetapi juga memiliki kesan positif terhadap seluruh masyarakat dan sektor seni secara keseluruhan. Penemuan hasil ini memperkuat gagasan bahawa kolaborasi bukan hanya tentang menciptakan karya seni yang indah, tetapi juga tentang menggali potensi baru dalam diri seniman dan memperkasakan masyarakat untuk menghargai seni.

Proses penghasilan arca dinding Udang Galah

Arca udang galah ini dihasilkan dengan menggunakan sepenuhnya menggunakan besi *wrought iron round bar R10* dan *R12*. Proses penghasilan ini terdiri kepada 3 peringkat iaitu proses konstruk, proses mengecat dan proses memasang arca ini di lokasi iaitu bandar Bagan Datoh. Proses konstruksi dan proses mengecat berlaku di studio Tangsi. Teknik utama yang digunakan di dalam penghasilan arca ini

adalah menggunakan teknik kimpalan logam MIG (Rajah 5). Besi R10 dan R12 dibengkok dan dilenturkan dengan melembutkan besi itu dahulu dengan api dari *oxyacetylene torch* (Rajah 4). Stail yang digunakan dalam penghasilan arca ini adalah stail *semi abstract*. Menurut Zakaria (2016) dalam penulisan beliau, bentuk arca yang tidak menggambarkan sesuatu dengan tepat memberi kelebihan untuk pengarca berkomunikasi dengan Bahasa visual dengan lebih baik.



Rajah 4. Proses melentur besi menggunakan oxyacetylene



Rajah 5. Proses mencantumkan besi menggunakan mesin welding MIG

Seterusnya besi di susun atur mengikut lakaran saiz sebenar udang galah di atas lantai. Dua saiz besi digunakan untuk menunjukkan kepelbagai garisan. Arca ini diinspirasikan dari arca karikatur yang ada di Pulau Pinang (Rajah 1 dan 2). Arca yang berukuran 8 meter panjang dan berketinggian hampir 2 meter ini mengambil masa selama 2 minggu untuk diselesaikan oleh kerana ianya dihasilkan secara usaha Kerjasama. Arca ini kemudian dibawa untuk di pasang di bandar Bagan Datoh (Rajah 6 dan 7).



Rajah 6. Proses memasang arca udang di dinding



Rajah 7. Proses memasang arca udang di dinding

Pemasangan arca ini di dinding adalah dibantu juga oleh beberapa orang dan pelajar dan artis lain. Semasa proses pemasangan ini juga aspek kerjasama yang dapat dilihat dimana setiap individu mempunyai kepakaran yang berbeza-beza. Hasil karya arca yang siap dapat dilihat dalam (Rajah 8 dan 9).

Kolaborasi Kolektif antara Artis, Pensyarah dan Pelajar dalam penghasilan Arca Dinding Udang Galah di Pekan Bagan Datoh



Rajah 8. Hasil akhir apabila arca di letakkan di dinding



Rajah 9. Hasil akhir apabila arca di letakkan di dinding

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Sering kali lahir kenyataan perihal kewujudan arca awam di Malaysia berada di tahap yang paling rendah (Piyadasa, 1976), (Sabapathy, 1976). Kajian ini dilakukan dengan memegang beberapa tujuan kajian. Tujuan kajian yang pertama adalah untuk menentukan dan mengelaskan apakah yang dinamakan sebagai Kerjasama kolektif semasa proses penghasilan karya seni itu. Juga dalam menjawab tujuan kajian ini juga akan dilihat adalah nilai-nilai yang terhasil dari kerasama kolektif tersebut. Tujuan kajian yang kedua adalah mengenalpasti manfaat dan kepentingan dalam mengaplikasikan Kerjasama kolektif antara artis, pelajar dan juga pensyarah seni visual di Malaysia. Arca awam dapat memberi kesenangan estetika dalam masyarakat kota. Ketiga, kajian ini adalah untuk melihat aspek stail yang dibawa oleh arca awam dan hubungannya dengan perkembangan lokaliti sesebuah Kawasan, dalam aspek ini Bandar Bagan Datoh.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, Kerjasama kolektif dalam menghasilkan karya adalah salah satu cara yang dapat memberi manfaat berbeza dalam penghasilan sesebuah karya (Kester, 2008). Selain nilai terdapat banyak lagi aspek-aspek yang dilihat mampu dicapai dalam melakukan Kerjasama kolektif (Roberts, 2004). Antara nilai yang lain adalah peningkatan peluang, peningkatan pembelajaran, pembahagian beban kerja dan penjimatan sumber daya. Terutama dalam bidang seni arca dimana usaha dan keringat yang diperlukan dalam menghasilkan sesebuah seni arca itu adalah biasanya lebih sukar berbanding disiplin seni yang lain (Mahamood, 2001). Penting untuk kita ingati kersama kolektif ini memerlukan komunikasi yang baik, saling mengerti satu sama lain dan yang paling penting adalah kemauan untuk berkerjasama. Hasil dari Kerjasama ini juga mampu untuk membawa hasil yang lebih baik daripada hasil yang dicapai oleh seseorang individu.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada pihak UPSI kerana memberi peluang untuk saya menyertai penerbitan Kupas Seni ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak pentadbiran Majlis Perbandaran Teluk Intan kerana telah memberikan dana untuk penghasilan karya arca dinding bertemakan udang galah ini. Terima kasih juga kepada pasukan yang diketuai oleh Dr Azian Tahir pensyarah dari UiTM Seri Iskandar Perak kerana telah bertungkus lumus menyiapkan beberapa mural dan termasuklah arca dinding ini. Tidak dilupakan juga kepada semua pensyarah, artis dan pelajar yang terlibat didalam usaha ini. Ucapan beribu tahniah dan penghargaan diberikan saya kepada artis muda Muhammad Afiq Izzudin rosli dan Arif Asyraf Badruzzaman kerana sudi menjadi responden utama dalam mendapatkan dapatan kajian untuk kajian ini.

RUJUKAN

- Bakar, S. A. S. A., Omar, A., Mazlan, H., & Tahir, A. (2022). ARCA RAMLAN ABDULLAH: PELANCONGAN KESENIAN ARCA AWAM: RAMLAN ABDULLAH SCULPTURE: PUBLIC SCULPTURE ART TOURISM. *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 12(2).
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2): 77–101.
- Creswell, J. W. (2014). Qualitative, quantitative, and mixed methods approach. Sage.
- Hocking, B. T. (2022). *The great reimagining: public art, urban space, and the symbolic landscapes of a 'new' Northern Ireland*. Berghahn Books.
- Jolly, J. (2008). Art of the Collective: David Alfaro Siqueiros, Josep Renau and their Collaboration at the Mexican Electricians' Syndicate. *Oxford Art Journal*, 31(1), 129-151.
- Kester, G. (2008). Collaborative practices in environmental art. *Artistic Bedfellows: Histories, Theories, and Conversations in Collaborative Art Practices*. Lanham, MD: University Press of America, 60-63.
- Mahamood, M. (2001). *Seni lukis moden Malaysia: era perintis hingga era pluralis, 1930-1990*. Utusan Publications & Distributors.
- Omar, A., & Basharuddin, J. (2019). 'Gaya Hidup Digital': Idea Dan Penghasilan Arca Awam Dalam Projek 'Publikart' di Iskandar Puteri, Johor Baharu, Johor. *Ideology Journal*, 4(1), 3-12.
- Roberts, J. (2004). Collaboration as a problem of art's cultural form. *Third Text*, 18(6), 557-564.
- Sabapathy, T. K. (2022). The Contemporary in Southeast Asian Art: The 1970s. In *Living Art: Indonesian Artists Engage Politics, Society and History*. ANU Press.
- Sim, J. (2023). The Development of Contemporary Art in Malaysia since 1930.
- Stasser, G., & Abele, S. (2020). Collective choice, collaboration, and communication. *Annual Review of Psychology*, 71, 589-612.
- Wan Yaacob, W. M. Z., Abdulah, N. H., Osman, A., Samsudin, M. F., Bebit, M., Azraei, A. & Sabu, M. S. (2016). Penghayatan nilai-nilai patriotisme dalam arca awam pelajar UiTM Melaka sempena pertandingan hiasan patriotisme daerah Alor Gajah.
- Zakaria, R. (2019). Pembinaan arca awam diPutrajaya: "Uniti-Keris". *Jurnal Inspirasi Seni Intelektual (ISI)*, 53-63.

Kolaborasi Kolektif antara Artis, Pensyarah dan Pelajar dalam penghasilan Arca Dinding Udang Galah di Pekan Bagan Datoh

Zakaria, R. (2016). Stail abstrak arca awam Kuala Lumpur: Refeleksi terhadap tegahan Agama Islam membina arca berbentuk figura bernyawa.